

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO HASBULLAH B. OSMAN (GERIK)**

**TARIKH : 17 OGOS 2020**

**SOALAN**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah terkini pendatang tanpa izin di negara ini dan apakah langkah-langkah pihak Kerajaan bagi menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa komited dalam memastikan isu keberadaan PATI di dalam negara dapat ditangani secara berkesan dengan mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan di seluruh negara.

Bagi tahun 2020 iaitu bagi tempoh 1 Januari sehingga 23 Julai 2020, sebanyak 4,615 operasi telah dilaksanakan dengan tangkapan seramai 18,092 orang PATI.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan secara bersepadu, pihak Kementerian melalui JIM memperkukuh kawalan kemasukan warganegara asing ke dalam negara melalui beberapa tahap kawalan dan saringan yang ketat seperti berikut :

- i. kuasa yang diberikan kepada pegawai imigresen di pintu masuk untuk menyemak beberapa kriteria seperti kesahihan dokumen perjalanan, pas/permit, tujuan kemasukan dan sejarah kemasukan ke Malaysia sebelum menentukan tempoh keberadaan warganegara asing di Malaysia;
- ii. tapisan awal dan saringan keselamatan ke atas semua warganegara asing yang memasuki Malaysia menggunakan sistem pangkalan data yang berintegrasi dengan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti semakan melalui Senarai Syak (*Suspect List – SL*) JIM dan pengambilan data cap jari biometrik dan semakan butiran biodata serta dokumen perjalanan melalui *Stolen and Lost Travel Document System* (SLTD) yang dibangunkan oleh INTERPOL; dan
- iii. pengambilan maklumat biometrik warganegara asing untuk kemasukan ke dalam negara untuk rekod JIM.